

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)**

TAJUK : HUTAN SIMPAN DI SELANGOR

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
 - a) Berapa keluasan kawasan baru yang digazet sebagai hutan simpan kekal di Negeri Selangor pada tahun 2018?
 - b) Sila nyatakan jenis pokok hutan yang endemik di Negeri Selangor dan apa langkah-langkah yang dirancangkan untuk memeliharanya?

JAWAPAN:

- a) Jumlah keseluruhan keluasan Hutan Simpanan Kekal yang telah digazetkan telah meningkat daripada 250,129 ha kepada 250,209 ha iaitu pertambahan dua (2) kawasan tanah kerajaan yang telah dijadikan HSK iaitu di Hutan Simpan Bukit Lagong (40.0 ha) dan Hutan Simpan Ulu Gombak Tambahan III (60.0 ha). Pewartaan HS Ulu Gombak Tambahan III adalah bagi kawasan penggantian ke atas pemansuhan HSK di HS Gombak bagi kegunaan tanah perkuburan. Pada masa kini, pihak JPNS sedang giat dalam proses untuk mewartakan Tanah Kerajaan Taman Alam di Kuala Selangor seluas 292.18 ha untuk dijadikan HSK. Sebelum akhir tahun 2018, jumlah keluasan HSK di Negeri Selangor akan meningkat kepada 250,501.18 ha.
- b) Sejumlah hanya 19 spesies pokok (tree) sahaja yang endemik di Negeri Selangor. Selain itu, jenis pokok shrub ada 24 spesies, 29 spesies pokok herba, pepanjat (5) spesies, epipfit (4) spesies dan 1 spesies pakis (Turner, 1995). Manakala bagi berdasarkan kepada status Taksa Terancam bagi spesies pokok dipterokarp di negeri Selangor dikategori kepada tiga (3) sahaja iaitu Critically Endangered (CR), Endangered (EN) dan Vulnerable (VU). Critically Endangered adalah merujuk kepada status spesies yang Sangat Terancam, Endangered adalah pada tahap status Terancam dan Vulnerable (VU) adalah berstatus terdedah kepada ancaman.

Bagi Negeri Selangor hanya terdapat tiga (3) spesies Dipterokarp berstatus Critically Endangered iaitu *Hopea subalata* (Merawan kanching), *Shorea teysmanniana* (Meranti bunga) dan *Vatica yeechongii*. Ada terdapat enam (6)

spesies berstatus Endangered dan 25 spesies berstatus Vulnerable. Kesemua senarai spesies mengikut kategori taksa adalah seperti di Jadual I.

Pihak JPNS dengan kerjasama pihak Ibupejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPNSM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah berjaya menyenaraikan kedudukan dirian atau kehadiran setiap individu pokok tersebut sebagaimana yang terkandung di dalam Buku Dipterokarpa Terancam di Semenanjung Malaysia. Dengan adanya data sebegini, akan dapat membantu pihak JPNS di dalam membuat tinjauan dan kerja-kerja dilapangan serta melaksanakan kerja-kerja aspek-aspek pemuliharaan dan pemeliharaan bagi setiap spesies pokok tersebut. Antara langkah-langkah pemuliharaan yang boleh dilaksanakan adalah seperti berikut :

1. Mewujudkan kawasan HCVF
2. Menubuhkan kawasan Protected Area (PAs) berserta dengan rangkakerja polisi dan perundangannya
3. Penyelenggaraan kemandirian pokok tersebut dan pemuliharaan genetik samada melalui pemeliharaan *in-situ* dan *ex-situ*.
4. Menjadikan pokok tersebut sebagai pokok growth plot atau pokok ibu (kutipan anak benih atau buah)
5. Operasi pemuliharaan dan pemeliharaan habitat dan pengurusan secara komprehensif, bersistematik dan bersepadu
6. Mewujudkan rangkaian hubungan di antara pemilik tanah atau pihak berkepentingan untuk bersama-sama mengambil bahagian di dalam pemuliharaan ini.

Sehingga pada masa kini, pihak JPNS telah menubuhkan tiga (3) kawasan Hutan Tinggi Nilai Pemuliharaannya (**High Conservation Value Forest atau HCVF**) iaitu di Kompartmen 2 dan 14 di HS Kanching untuk spesies pokok Merawan kanching dan spesies pokok Meranti Bukit di Kompartmen 5, HS Semangko. Keluasan kawasan hutan berstatus HCVF adalah berjumlah 34.5 hektar. Selain itu, pihak JPNS juga telah menubuhkan 13 kawasan Hutan Simpanan Dara (VJR) dengan keluasan keseluruhan hutan berjumlah 2,278 hektar, pihak JPNS telah menjadikan

sebahagian pokok yang disenaraikan (di atas) sebagai pokok ibu dan petak growth plot.

Pada tahun 2019, pihak JPNS telah merancang untuk mewujudkan dua (2) kawasan HCVF dan kedua-duanya terletak berhampiran Bukit Fraser iaitu bagi memelihara kawasan habitat dan dirian spesies pokok Damar minyak (*Agathis borneensis*) dan kawasan persinggahan burung. Seterusnya, setiap satu kawasan berkenaan akan diwujudkan Rancangan Pengusannya secara komprehensif dan bersepadu serta melibatkan agensi-agensi berkepentingan yang lain.

Pihak JPNS juga akan mewujudkan peta kedudukan bagi setiap pokok yang telah disenaraikan dan akan menyebarkan maklumat ini kepada semua pihak berkepentingan untuk bersama-sama di dalam mewujudkan pelan pengurusan kawasan dipersekitaran dan pembangunan yang akan dijalankan sekiranya melibatkan pokok-pokok tersebut.

KATEGORI	BIL.	TAKSON
CRITICALLY ENDANGERED (3)	1 2 3	<i>Hopea subalata</i> (Merawan kanching) <i>Shorea tesymanniana</i> (Meranti bunga) <i>Vatica yeechongii</i>
ENDANGERED (6)	1 2 3 4 5 6	<i>Anisoptera marginata</i> (Mersawa paya) <i>Shorea bentongensis</i> (Meranti mengkai) <i>Shorea platycarpa</i> (Meranti paya) <i>Shorea uliginosa</i> (Meranti bakau) <i>Vatica lobata</i> (Resak paya) <i>Vatica perakensis</i> (Resak putih)
VULNERABLE (25)	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 14 15 16 17 18 19 20 21	<i>Anisoptera costata</i> (Mersawa kesat) <i>Anisoptera laevis</i> (Mersawa durian) <i>Anisoptera megistocarpa</i> (Mersawa merah) <i>Anisoptera scaphula</i> (Mersawa gajah) <i>Dipterocarpus chartaceus</i> (Keruing kertas) <i>Dipterocarpus hasseltii</i> (Keruing ropol) <i>Dipterocarpus kerrii</i> (Keruing gondol) <i>Dipterocarpus palembanicus</i> ssp. <i>Palembanicus</i> (Keruing ternek) <i>Hopea latifolia</i> (Merawan daun bulat) <i>Hopea pierreii</i> (Merawan palung) <i>Hopea pubescens</i> (Merawan bunga) <i>Shorea dasyphylla</i> (Meranti batu) <i>Shorea foxworthyi</i> (Balau bukit) <i>Shorea gibbosa</i> (Damar hitam gajah) <i>Shorea gratissima</i> (Meranti laut) <i>Shorea longisperma</i> (Meranti damar hitam) <i>Shorea ochrophloia</i> (Seraya batu) <i>Shorea resinosa</i> (Meranti belang) <i>Vatica hullettii</i> (Resak) <i>Vatica maingayi</i> (Resak lidi) <i>Vatica stapfiana</i> (Resak mempening)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : RUMAH KOS RENDAH JENIS (A)

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sehingga kini, masih terdapat 70,967 bilangan permohonan di bawah Kerajaan Negeri Selangor untuk Skim Rumah Selangorku (Jenis A). Apakah Kerajaan Negeri Selangor selepas ini akan merancang bagi memperbanyakkan Projek Rumah Selangorku (Jenis A)?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangorku (Rumah Selangorku 2.0) yang berkuatkuasa pemakaiannya bermula pada 02 April 2018, bagi mana-mana tanah / tapak cadangan yang terletak di zon 1 pembangunan dengan keluasan melebihi 5 ekar dan ke atas dikenakan syarat penyediaan 10% Rumah Selangorku Jenis A, bagi zon 2 pembangunan yang berkeluasan 20 ekar ke atas turut dikenakan 10% Rumah Selangorku Jenis A manakala bagi zon 3 yang berkeluasan 50 ekar dan ke atas juga dikenakan 10% Rumah Selangorku Jenis A. Penyediaan Rumah Selangorku Jenis A disyaratkan kepada semua pemaju perumahan sama ada terdiri daripada pemaju swasta, kerajaan atau Anak Syarikat Kerajaan Negeri / Persekutuan.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi memastikan pembinaan Rumah Selangorku terutamanya Jenis A di bina, Kerajaan Negeri sentiasa memantau pelaksanaan pembinaan Rumah Selangorku melalui Jawatankuasa Pemantauan Pembinaan Hartanah Harga Terkawal. Sekiranya pihak pemaju tidak membina atau sengaja melambat- lambatkan pembinaan Rumah Selangorku, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan akan mengeluarkan 'stop work order' / tidak menyokong pengeluaran Sijil Perakuan dan Pematuhan (CCC) serta tidak meluluskan permohonan Kebenaran Merancang bagi pembangunan perumahan harga bebas atau lain-lain pembangunan sekiranya syarat tersebut tidak dilaksanakan.

Selain pemantuan pembinaan projek, Kerajaan Negeri juga menguatkuasakan pemantauan aktiviti pemasaran yang dibuat oleh pihak pemaju. Pihak pemaju

perlu mempromosikan / menyebarkan projek-projek Rumah Selangorku yang dibina supaya diketahui oleh rakyat jelata bagi memudahkan bakal pembeli membuat semakan / memohon rumah tersebut.

Dengan adanya langkah- langkah tersebut, ianya dapat memacu serta mencapai matlamat Kerajaan Negeri untuk merancang serta memperbanyakkan projek Rumah Selangorku.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : HAD MUATAN BERAT LORI BAGI PROJEK PERUMAHAN DI DALAM
KAWASAN KAMPUNG**

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menetapkan had muatan berat lori bagi tujuan projek perumahan di dalam kawasan kampung bagi mengatasi masalah kerosakan jalan?
 - b) Bagaimanakah cara Kerajaan Negeri bagi memastikan setiap syarikat ini menurap semula jalan-jalan yang rosak akibat projek mereka?

JAWAPAN:

- a) Penetapan had muatan kenderaan perdagangan adalah dibawah bidang kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan sentiasa mengawal perkara ini bagi mengatasi masalah kerosakan jalan.
- b) PBT sentiasa memastikan agar setiap pemaju perumahan menurap semula jalan-jalan yang rosak dan ini telah ditetapkan dalam syarat-syarat pembangunan yang perlu dipatuhi oleh setiap pemaju. Antara syarat-syarat yang ditetapkan adalah:
 - i) Pihak pemaju perlu menurap semula jalan sedia ada sepanjang sempadan projek berkaitan sebelum mendapatkan sokongan CCC projek perumahan dari PBT/JKR Daerah;
 - ii) Sekiranya pihak pemaju didapati tidak menjalankan kerja penyelenggaraan dengan baik terhadap jalan awam dan perabot-perabot jalan sedia ada, pihak PBT/JKR Daerah akan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan/pembaikan dan bayaran kos kerja akan diambil dari wang cagaran yang telah dijelaskan; dan
 - iii) Pihak pemaju tertakluk di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) di baca bersama Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-kesalahan) Jalan, Parit dan Bangunan 2005 dan hendaklah mematuhi arahan PBT dari masa ke semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : DASAR PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN NEGERI

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat mengkaji semula dasar pemberimilikan tanah Kerajaan Negeri kepada individu untuk tujuan bangunan kediaman atau pertanian memandangkan dasar yang sedia ada telah digunapakai 10 tahun sejak tahun 2008? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

JAWAPAN:

- a) Berkaitan dasar pemberimilikan tanah Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Negeri melalui Mesyuarat EXCO-MTES Bil.24/2018 bertarikh 8 Ogos 2018 telah mengarahkan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) untuk mengkaji semula dasar pemberimilikan tanah Kerajaan Negeri kepada individu untuk tujuan kediaman dan pertanian. Perkara ini juga telah dibincangkan di dalam Mesyuarat Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bersama Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah Negeri Selangor Bil.4/2018 pada 2 November 2018. Perkara ini masih dalam peringkat kajian dan perbincangan secara menyeluruh dan satu bengkel akan diadakan pada Disember ini bersama agensi-agensi yang berkaitan kerana ianya melibatkan pelbagai aspek perundangan dan teknikal. PTGS akan mengadakan sesi taklimat kepada semua Ahli Dewan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) selepas dasar ini dibentang dan dimuktamadkan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : INFRASTRUKTUR KAMPUNG KOMUNITI INDIA

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan rancangan untuk menyelesaikan isu-isu infrastruktur dan masalah perkampungan yang tidak mempunyai perancangan teratur di kawasan kampung masyarakat India.
- b) Adakah satu peruntukan khas seperti kampung tradisi dan kampung baru akan wujud untuk menyelesaikan masalah infrastruktur kampung masyarakat India?

JAWAPAN:

- a) Di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin, Kerajaan Negeri bertindak memantau aktiviti dan program setiap Ketua Komuniti Kaum India yang dilantik dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah berkenaan. Walau bagaimanapun, bagi isu – isu yang melibatkan infrastruktur dan masalah perkampungan yang tidak mempunyai perancangan teratur di kawasan kampung masyarakat India adalah terletak di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan lain – lain agensi yang berkenaan. Saya yakin dan percaya bahawa setiap agensi berkenaan sentiasa peka dan prihatin serta mempunyai perancangan khusus untuk menangani isu infrastruktur serta masalah perkampungan tidak tersusun di kawasan masyarakat India bagi memastikan penambahbaikan dapat dibuat dari semasa ke semasa.
- b) Seperti yang telah dimaklumkan sebentar tadi, semua isu yang melibatkan infrastruktur perkampungan masyarakat India adalah di bawah tanggungjawab pihak yang berkenaan namun cadangan Yang Berhormat Rawang untuk mewujudkan peruntukan khas sepertimana Kampung Tradisi & Kampung Badang Cina adalah suatu cadangan yang baik walau bagaimanapun kajian menyeluruh perlu dibuat oleh Kerajaan Negeri terlebih dahulu bagi memastikan cadangan tersebut betul-betul menepati keperluan kumpulan sasaran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : TAHAP PERKHIDMATAN WIFI SELANGORKU

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Senaraikan bilangan kawasan yang dibekalkan dengan perkhidmatan Wifi Selangorku mengikut DUN.
 - b) Meskipun Wifi Selangorku telah dipasang untuk kawasan Kg. Baru Sungai Way, ia tidak berfungsi. Jelaskan rancangan untuk memastikan tempat liputan Wifi Selangorku berfungsi dengan baik.

JAWAPAN:

- a) Bilangan hotspot perkhidmatan WiFi Smart Selangor (WiFiSS) mengikut DUN:-

**WIFI SMART SELANGOR (WIFISS)
PECAHAN HOSPOT MENGIKUT DUN**

LOKASI / DUN	JUMLAH HOTSPOT WIFISS
SMART SELANGOR MOBILE LIBRARY	7
N01 SUNGAI AIR TAWAR	35
N02 SABAK	60
N03 SUNGAI PANJANG	96
N04 SEKINCHAN	34
N05 HULU BERNAM	7
N06 KUALA KUBU BAHARU	35
N07 BATANG KALI	37
N08 SUNGAI BURONG	18
N09 PERMATANG	15
N10 BUKIT MELAWATI	78
N11 IJOK	30
N12 JERAM	45
N13 KUANG	17
N14 RAWANG	48
N15 TAMAN TEMPLER	90
N16 SUNGAI TUA	62

N17 GOMBAK SETIA	62
N18 HULU KELANG	90
N19 BUKIT ANTARABANGSA	71
N20 LEMBAH JAYA	12
N21 PANDAN INDAH	34
N22 TERATAI	22
N23 DUSUN TUA	31
N24 SEMENYIH	45
N25 KAJANG	105
N26 SUNGAI RAMAL	323
N27 BALAKONG	41
N28 SERI KEMBANGAN	77
N29 SERI SERDANG	73
N30 KINRARA	60
N31 SUBANG JAYA	116
N32 SERI SETIA	85
N33 TAMAN MEDAN	107
N34 BUKIT GASING	89
N35 KAMPUNG TUNKU	34
N36 BANDAR UTAMA	136
N37 BUKIT LANJAN	10
N38 PAYA JARAS	25
N39 KOTA DAMANSARA	157
N40 KOTA ANGGERIK	477
N41 BATU TIGA	125
N42 MERU	91
N43 SEMENTA	4
N44 SUNGAI PINANG	11
N45 SELAT KLANG	20
N46 PELABUHAN KLANG	83
N47 PANDAMARAN	10
N48 SENTOSA	20
N49 SUNGAI KANDIS	26
N50 SRI MUDA	52
N51 SIJANGKANG	25
N52 BANTING	36
N53 MORIB	30
N54 TANJONG SEPAT	7
N55 DENGKIL	263
N56 SUNGAI PELEK	35
JUMLAH	3,834

- b) Terdapat lima hotspot WiFiSS yang telah dipasang di kawasan Kg. Baru Sungai Way, di mana tiga hotspot WiFiSS tersebut berfungsi dengan baik dan dua hotspot WiFiSS mengalami gangguan perkhidmatan. Smartsel Sdn Bhd, syarikat milik Kerajaan Negeri Selangor yang dipertanggungjawab untuk mengawal selia operasi WiFiSS telah menghubungi wakil komuniti di kawasan tersebut untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan yang diperlukan.

Bagi tujuan pemantauan dan memastikan hotspot WiFiSS berfungsi, sebuah *dashboard* telah siap dibangunkan. Kesemua hotspot yang disediakan oleh syarikat pembekal utama WiFi telahpun dimuat naik ke dalam sistem *dashboard* tersebut. Usaha untuk mengintegrasikan kesemua hotspot ke dalam sistem *dashboard* tersebut akan dipercepatkan bagi memantapkan sistem pemantauan hotspot WiFiSS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : MASALAH BANJIR

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Tiap kali hujan lebat di kawasan Ijok, banyak kawasan perkampungan di landa banjir kilat. Apakah perancangan dari pihak Kerajaan Negeri (JPS & JKR) untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Perancangan jangka pendek bagi mengatasi masalah banjir kilat di kawasan Ijok ialah dengan memasang pam bergerak bagi mengeluarkan air banjir dari kawasan sekitar Ijok untuk disalurkan keluar ke Sungai Buloh.

Manakala perancangan jangka panjang adalah seperti berikut :

(1) Pelaksanaan projek menaiktaraf Pintu Kawalan Pasang Surut Sungai Buloh Comprtmnet D sedang dibina baru di Kampung Ijok dan dijangka siap pada 18 Julai 2019 dengan kos sebanyak RM 1,994,600.

(2) Pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Jajaran Sungai Buloh di mana pada masa kini sedang dalam proses untuk ditender semula dengan anggaran kos sebanyak RM50 juta. Skop kerja yang terlibat adalah seperti berikut:

- i. Kajian dan cadangan membina kemudahan rumah pam yang bersesuaian dengan kapasiti air dan keluasan kawasan Ijok.
- ii. Mendalam dan melebarkan Sungai Buloh.
- iii. Menaiktaraf struktur benteng (ban) dan tebing Sungai Buloh.

JPS Daerah Kuala Selangor juga telah membuat perancangan kerja setiap tahun untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan parit di kawasan Ijok. Senarai parit bagi kerja-kerja pembersihan yang telah siap, sedang dilaksanakan dan akan dilaksanakan mengikut perancangan kerja tahunan Jabatan adalah seperti jadual di Lampiran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : KESIHATAN MENTAL

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan statistik pengguna perkhidmatan kaunseling yang diterima oleh Pusat Kaunseling Selangor?
- b) Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan bilangan pengguna perkhidmatan kaunseling tersebut?

JAWAPAN:

- a) Pusat Kaunseling Selangor adalah salah satu medium dalam mengatasi permasalahan Kesihatan Mental khususnya di Negeri Selangor. Berdasarkan Rekod sesi Sehingga Oktober 2018 sebanyak 313 Sesi telah dikendalikan oleh Pusat Kaunseling Selangor.
- b) Bagi meningkatkan kesedaran Masyarakat Umum di Negeri Selangor berhubung Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling urusetia telah melakukan beberapa kaedah Promosi bagi memudahkan Akses dan kefahaman serta kesedaran untuk mendapatkan perkhidmatan yang disediakan antaranya:
 - I. Promosi Televesion dan Radio (Radio Kool fm sempena Hari Kesihatan Mental dan Selamat Pagi Malaysia sempena Hari Raya Korban)
 - II. Video Kesedaran Kesihatan Mental bertajuk "Meroyan" atau *Post-Partum Depression*. Video ini disalurkan dalam Page FB Pusat Kaunseling Selangor dan telah mencecah ribuan tontonan.
 - III. Pusat Kaunseling selangor juga dengan kerjasama Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) telah membuka Cawangan Pusat Kaunseling Selangor bagi memudahkan Masyarakat yang memerlukan

dan berdekatan dengan Cawangan tersebut. Pelancaran 3 buah cawangan ini telah diadakan sempena Program Hari Terbuka PKS pada 11 Mac 2018.

- IV. Selain daripada itu, Pusat Kaunseling Selangor juga telah membangunkan Sistem e-Psy Selangor iaitu salah satu sistem Temu Janji secara maya yang akan memudahkan klien membuat t.janji pada bila-bila masa dan di mana jua. Sistem ini juga mampu menjana data dan statistik klien bagi tujuan kajian.
- V. Pusat Kaunseling Selangor juga aktif dalam mendekati Masyarakat bagi tujuan promosi dan pengenalan perkhidmatan yang disediakan, sepanjang tahun 2018 (Sehingga Oktober) beberapa siri turun padang telah dilaksanakan antaranya:
 - i. Program Kesedaran Kesihatan Mental, UiTM Dengkil pada 12-13 Januari 2018 dengan jumlah klien sebanyak 290 orang;
 - ii. Pameran dalam Perhimpunan Bulanan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) pada 20 Februari 2018;
 - iii. Pameran bersempena Karnival Pendidikan Tinggi dan Kerjaya bertempat di Stadium Malawati Shah Alam pada 3-4 Mac 2018;
 - iv. Hari Terbuka Pusat Kaunseling Selangor bertempat di Kompleks PKNS Shah Alam pada 11 Mac 2018;
 - v. Pameran sempena Karnival Himpunan Rakyat Negeri Selangor bertempat di Stadium Malawati Shah Alam pada 17 Mac 2018;
 - vi. Program Minggu Kesihatan Mental Majlis Bandaraya Shah Alam pada 20 Mac 2018;
 - vii. Hari Bertemu Pelanggan, Pejabat SUK NegeriSelangor pada 18 Julai 2018 bertempat di Foyer SUK;
 - viii. Pameran bersempena Program Karnival Kesihatan Fit MPK bertempat di Dataran Millenium Klang pada 28 Julai 2018; dan

- ix. Pada 21 November 2018 ini, akan diadakan Sabutan Jubli Perak Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling, Pusat Kaunseling Selangor bertempat di SACC yang akan disempurnakan oleh YAB Dato' Menteri Besar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN
(N02 SABAK)**

TAJUK : PENAMBAHAN DAERAH DI SELANGOR

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah akan ada cadangan untuk menambah daerah daripada 9 daerah yang sedia ada kepada beberapa daerah yang perlu dipecahkan kepada 2 daerah kerana pertambahan penduduk serta wujudnya bandar-bandar baru di daerah tersebut?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI
(N40 KOTA ANGERIK)**

TAJUK : MASALAH PENGURUSAN PANGSAPURI KOS RENDAH

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk membantu menyelesaikan masalah penyelenggaraan pangsapuri kos rendah di Negeri Selangor khususnya di Shah Alam yang masih belum menubuhkan Jawatankuasa Mengurus Bangunan (JMB)?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah menetapkan syarat utama bagi pangsapuri kos rendah untuk memohon bantuan Kerajaan Negeri mestilah mempunyai Badan Pengurusan Bersama atau *Joint Management Body* (JMB) dan Perbadanan Pengurusan atau *Management Corporation*(MC). Justifikasi kepada syarat ini supaya JMB dan MC terlibat akan meneruskan kesinambungan impak kepada pemberian tersebut dengan mengambil pelbagai usaha dan tindakan untuk menguruskan pangsapuri mereka dengan lebih baik.

Bagi mana-mana pangsapuri kos rendah yang tidak dapat menubuhkan JMB dan MC, berdasarkan Seksyen 86 Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757), Pesuruhjaya Bangunan boleh melantik seorang ejen pengurusan untuk menguruskan pangsapuri terbabit. Kerajaan Negeri juga memberi keutamaan pemberian bantuan kepada kawasan pangsapuri kos rendah yang diuruskan oleh ejen pengurusan yang dilantik Pesuruhjaya Bangunan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : IKLAN HARAM

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Masalah iklan haram (terutamanya iklan pinjaman berlesen atau tanpa lesen) yang ditampal merata-rata tempat masih tidak boleh diselesaikan. Iklan haram ini tidak saja memburukkan keindahan sekeliling tetapi juga membahayakan kerana telah menutup papan tanda jalan. Apakah tindakan selanjutnya akan diambil?

JAWAPAN:

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan No.69 daripada ADUN Sungai Ramal.

- a) Kerajaan Negeri melalui PBT sentiasa mengambil tindakan untuk memerangi iklan haram. Antara tindakan yang diambil adalah:-
- 1) Mengambil tindakan di bawah Peruntukan 7 Undang-Undang Kecil Iklan 2007 berkaitan kesalahan mempamerkan iklan tanpa lesen. Kompaun yang boleh dikenakan adalah sebanyak RM600.00 dan jika didakwa di mahkamah boleh dikenakan denda sebanyak tidak lebih RM2,000.00 jika disabitkan kesalahan;
 - 2) PBT juga melaksanakan operasi iklan haram sebanyak dua (2) kali sehari iaitu mulai seawal pagi dan waktu petang di semua kawasan operasi PBT;
 - 3) PBT akan mengemukakan nombor telefon pengiklanan kepada pihak Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk permohonan penamatan perkhidmatan;
 - 4) Mengadakan operasi bersepadu iklan along dengan kerjasama pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan NGO dalam membanteras aktiviti along;
 - 5) PBT melakukan pemeriksaan terhadap syarikat/agensi yang menjalankan perniagaan percetakan terutamanya yang melibatkan percetakan banner, bunting dan *sticker*. Sekiranya syarikat/kilang percetakan tersebut didapati

mencetak iklan atau sticker iklan pinjaman kewangan yang tidak berlesen, lesen perniagaan mereka akan ditarik/dibatalkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN INDUSTRI KECIL SEDERHANA

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bentuk bantuan dan program Kerajaan di dalam pembangunan industri kecil sederhana?

JAWAPAN:

- a) Dalam membantu pihak Industri Kecil Sederhana membangunkan perniagaan mereka, pihak Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor telah melaksanakan beberapa program yang menumpukan kepada program pemasaran seperti berikut:-

- a. **Program latihan bagi pemasaran produk secara atas talian melalui inisiatif SITEC.** Melalui program ini pihak usahawan diberikan latihan kemahiran bagi mempromosikan dan memasarkan produk keluaran secara atas talian (*on-line*).
- b. **Penyertaan usahawan - usahawan IKS dalam pameran diluar Negara.** Melalui program ini, pihak Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor akan membawa usahawan - usahawan yang berpotensi untuk menyertai pameran – pameran di luar negara untuk membolehkan usahawan tempatan menembusi pasaran luar negara.

Selain itu, setiap tahun Kerajaan Negeri Selangor memperuntukkan bajet untuk bantu usahawan bagi meningkatkan hasil pendapatan dan menjana ekonomi negeri. Berikut merupakan bantuan yang disediakan untuk perniagaan mikro di Negeri Selangor yang ditakrifkan sebagai perniagaan yang mempunyai jualan kurang daripada RM300,000.00 setahun dan mempunyai pekerja tetap sebanyak 2 hingga 5 orang. Antara program-program yang disediakan seperti berikut:-

- i. **DANA USAHAWAN MIKRO SELANGOR**

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan memberikan bantuan kepada usahawan mikro **melalui sembilan (9) Pejabat Daerah/Tanah di Negeri Selangor**. Dana Usahawan Mikro Selangor merupakan program khas untuk membantu usahawan mikro di Negeri Selangor bagi meningkatkan hasil jualan dan sekaligus melahirkan usahawan-usahawan yang berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju. Setiap tahun sekurang-kurangnya 100 usahawan mendapat manfaat daripada bantuan ini.

Setiap tahun Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM250,000.00 bagi setiap daerah untuk menyalurkan bantuan kepada pemohon yang layak. Seorang pemohon layak menerima bantuan sehingga RM30,000.00. Skop bantuan adalah seperti berikut:

- Bantuan pembelian mesin / peralatan / perkakasan;
- Meningkatkan kualiti premis/perniagaan iaitu mengubahsuai / menaiktaraf;
- Pembiayaan sebahagian kos penyertaan usahawan ke ekspo jualan dan promosi di dalam dan luar negara;
- Pembiayaan sebahagian kos untuk pembangunan produk dan pensijilan seperti ujian nutrisi, pendaftaran cap dagang, pencarian dan pendaftaran paten, perlindungan harta intelek, persijilan GMP, HALAL, HACCP, ISO dan lain-lain dalam mematuhi standard nasional, antarabangsa dan menembusi pasaran global; dan
- Lain-lain keperluan yang mempunyai nilai tambah dan mampu melonjakkan pembangunan usahawan mikro di negeri Selangor.

- ii. Kerajaan Negeri Selangor melalui agensinya HIJRAH Selangor menyediakan pinjaman kewangan berperingkat bermula tahun 2015. Sebelum ini program pinjaman kewangan ini dikenali sebagai Mikrokredit Bersepadu yang menggabungkan skim-skim mikrokredit SKIMSEL, MIMBAR dan WALA yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2010. Ia merupakan satu sistem pengeluaran modal yang mudah, cepat dan tidak membebankan kepada penjaja dan peniaga kecil yang menghadapi masalah kekurangan modal, dan peluang mendapatkan modal tambahan. Pinjaman berperingkat ini dikategorikan mengikut skim 1 – 4 dan jumlah kelulusan diberikan sehingga RM50,000.00 mengikut syarat-syarat

tertentu. Sehingga kini sebanyak 32,146 peminjam yang telah menerima manfaat daripada program ini. Pinjaman ini difokuskan kepada tiga (3) sektor utama iaitu pembekalan, pemakanan dan perkhidmatan. Namun terdapat sektor lain yang membuat pinjaman ini iaitu pertanian, penternakan dan pemprosesan.

Dalam merangka kaedah pengurusan dan pelaksanaan skim HIJRAH Selangor, objektif-objektif berikut dikenalpasti sebagai matlamat program.

- i. Menawarkan modal tambahan yang mudah, cepat dan tidak membebankan.
- ii. Menggalakkan budaya menabung di kalangan penjaja dan peniaga kecil.
- iii. Mewujudkan rangkaian usahawan yang operasional.
- iv. Membina usahawan yang berwawasan dan berdaya saing serta berkemahiran dan juga proaktif.
- v. Mewujudkan peluang perniagaan yang baharu.
- vi. Melahirkan Usahawan baharu dikalangan rakyat yang berpendapatan rendah.

Sumber : Unit Pembangunan Usahawan, UPEN

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PELAN INDUK PENGANGKUTAN AWAM SELANGOR

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas yang dihadapi oleh pengguna jalanraya di jambatan pekan Tanjong Karang?

JAWAPAN:

- a) Jalan ini merupakan Jalan Persekutuan FT5. Kesesakan lalu lintas di jambatan pekan Tanjong Karang berpunca daripada lokasi lampu isyarat yang terlalu hampir dengan kedudukan jambatan pekan Tanjong Karang. Bagi penyelesaian jangka masa panjang, pihak JKR Negeri Selangor sedang mengkaji semula skop projek dengan cadangan membina Jambatan Sungai Tengi sebagai jalan alternatif menyuraikan masalah trafik di kawasan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : PENTADBIRAN KAMPUNG

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam usaha meningkatkan keupayaan ketua-ketua kampung dalam urus tadbir kampung?

JAWAPAN:

- a) Ketua Kampung Tradisi Negeri Selangor adalah seseorang yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi memimpin dan mengetahui sesebuah kampung di Negeri Selangor.

Antara tugas yang dipertanggungjawab kepada Kampung Tradisi Negeri Selangor/ Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) ini seperti menjadi Pengerusi kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan menyampaikan dasar-dasar Kerajaan Negeri Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa kepada penduduk kampung.

Institusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKK) memainkan peranan penting dalam menggerakkan komuniti kampung untuk melaksanakan pembangunan untuk kemajuan dan kesejahteraan kampung itu sendiri. Selaras dengan itu, Kerajaan Pusat bersetuju dengan cadangan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) agar institusi ini dibuat penstrukturan semula dan diteruskan dengan nama baharu iaitu Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Seiring dengan penjenamaan semula ini, garis panduan berkaitan dengan perkhidmatan Ketua Kampung dan MPKK sedia ada sedang ditambahbaik termasuk penelitian semula kepada bidang tugas yang lebih teratur dan sistematik serta fungsi biro – biro yang diwujudkan. Pada tahun ini sehingga tahun 2019 pihak Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi akan mengadakan Kursus Pemantapan Ketua Kampung Tradisi Negeri Selangor.

Selain itu, Konsep Penarafan Bintang (*Star Rating*) akan mula diperkenal dan dilaksanakan di dalam pentadbiran Kampung Tradisi Negeri Selangor bermula tahun 2019 untuk mengukur kompetensi dan pelaksanaan arahan – arahan Kerajaan. Secara umum konsep ini akan menilai empat (4) elemen utama di dalam

pentadbiran kampung iaitu Pengurusan Mesyuarat (kekerapan dan kualiti), Pengurusan Kewangan (ketelusan), Inovasi dan Kreativiti (produk dan anugerah) dan Aktiviti Kemasyarakatan (sambutan dan penglibatan). Melalui 4 elemen tersebut adalah diharapkan kelemahan – kelemahan yang mungkin berlaku seperti kelemahan pemantauan pentadbiran, konflik pengurusan, kurang komitmen ketika menjalankan tugas dan amanah dan sebagainya dapat diatasi dengan bijaksana dan berhemah. Sebagai tambahan, Institusi MPKK ini perlulah sentiasa diperkasakan oleh kerana ianya adalah satu institusi yang sentiasa dekat dan bersama akar umbi (penduduk kampung) di mana secara tidak langsung institusi ini menjadi sistem penyampaian Kerajaan yang efektif dan berkesan untuk menghebah serta melaksanakan dasar – dasar semasa.

Tuan Speaker,

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi juga akan mengetengahkan konsep Pengendalian Komuniti melalui sesi dialog yang berfokus yang akan diselaraskan oleh MPKK diantara penduduk kampung bersama agensi – agensi yang berkaitan. Tujuan utama sesi dialog ini diadakan adalah untuk dijadikan platform bagi mendapatkan maklumat berkaitan permasalahan serta isu yang berbangkit dan berkaitan dengan rakyat setempat dan seterusnya mencari serta mendapatkan penyelesaian yang terbaik untuk semua.

Untuk makluman Ahli – Ahli Yang Berhormat, laporan awal dan hasil daripada sesi dialog tersebut akan dibentangkan kepada Pejabat Daerah dan Tanah pada Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah (JKTD) dan akan disusuli pembentangan kepada Kerajaan Negeri selepas itu.

Adalah diharapkan usaha ini akan diteruskan dari semasa ke semasa bagi memastikan impak dan hasil daripada inisiatif - inisiatif tersebut dapat dimanfaatkan sebaiknya untuk rakyat di Negeri Selangor khususnya bagi penduduk – penduduk Kampung Tradisi

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : PEMBALAKAN DI NEGERI SELANGOR

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri telah melakukan Penilaian Kesan Alam Sekitar (Environmental Impact Assessment) terhadap aktiviti pembalakan di kawasan Hulu Langat sebelum memberi sebarang kelulusan bagi aktiviti pembalakan?

JAWAPAN:

- a) Pada masa kini, Daerah Hulu Langat adalah merupakan daerah yang paling banyak terbabit bagi pelaksanaan projek-projek nasional seperti pembangunan infrastruktur lebuhraya, jajaran talian TNB dan projek pembekalan air mentah dengan jumlah enam (6) projek kesemuanya. Senarai projek yang terlibat dengan pembinaan Lebuhraya Bertingkat ialah *East Klang valley Expressway* (EKVE) dan Lebuhraya Sungai Besi - Klang (SUKE). Dua (2) projek bekalan air mentah iaitu penyaluran Projek Air Mentah Pahang – Selangor (Langat 1) dan beberapa komponen Projek Air Langat 2 dan dua (2) projek bagi jajaran penghantaran talian TNB iaitu PMU Kampung Pandan – Ampang East dan Bentong – Lenggeng. Kesemua projek ini telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri melalui MMKN dan lima (5) projek telah mendapat kelulusan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) kecuali satu (1) projek iaitu projek jajaran penghantaran talian elektrik TNB.

Projek jajaran penghantaran talian TNB 275KV PMU Kampung Pandan – Ampang East telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui MMKN ???/2010. Pada masa tersebut, kelulusan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar masih tidak diperlukan lagi semasa projek tersebut mula dilaksanakan.

Selain itu, pihak Jabatan Perhutanan juga ada melaksanakan penguatkuasaan undang-undang dan syarat-syarat lesen pembalakan sepertimana terkandung di dalam Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 dan Kaedah-kaedah Hutan Selangor (Pindaan) 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR
(N26 SUNGAI RAMAL)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah unit rumah Selangorku di dalam DUN Sungai Ramal?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina lebih banyak rumah Selangorku dalam kawasan ini untuk memenuhi keperluan penduduk?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, perincian data RSKU direkod mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan tidak diperincikan mengikut DUN. Sungai Ramal merupakan kawasan dibawah penyeliaan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj). Sehubungan dengan itu, jumlah Rumah Selangorku yang direkodkan dibawah seliaan Majlis Perbandaran Kajang yang sedang dalam pembinaan adalah sebanyak **3,943 unit** manakala jumlah Rumah Selangorku yang telah siap dibina adalah sebanyak **2,202 unit**. Jadual rumusan adalah seperti dibawah:-

Siap Dibina	Dalam Pembinaan	Dalam Perancangan
3,943	2,202	15,124
Jumlah Keseluruhan : 21,269 Unit		

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, juga berdasarkan rekod kelulusan sebanyak **15,124 unit** Rumah Selangorku yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dibawah Majlis Perbandaran Kajang sehingga 31 Oktober 2018. Oleh itu, dijangka berdasarkan rekod tersebut ianya diharap dapat memenuhi keperluan permintaan penduduk setempat khususnya golongan B40 dan M40 serta pembeli rumah pertama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PUSAT ASUHAN KANAK-KANAK

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pusat asuhan kanak-kanak yang berlesen di Selangor mengikut PBT.
- b) Apakah peranan Kerajaan Negeri memastikan setiap pusat tersebut mematuhi peraturan ditetapkan?
- c) Nyatakan jumlah lesen yang ditarik semula dan sebabnya.

JAWAPAN:

- a) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mempertimbangkan permohonan pendaftaran Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) mengikut daerah di mana TASKA berkenaan beroperasi. Jumlah TASKA berdaftar mengikut daerah di Negeri Selangor adalah seperti berikut:

BIL.	DAERAH	BIL. TASKA
	Petaling	347
	Klang	93
	Hulu Langat	226
	Gombak	129
	Sepang	90
	Kuala Selangor	41
	Hulu Selangor	88
	Kuala Langat	76

	Sabak Bernam	11
	JUMLAH	1,011

Jadual 1: Jumlah TASKA Berdaftar Di Negeri Selangor Sehingga Mulai 2013 hingga Oktober 2018

b) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor berperanan untuk memastikan setiap Pusat Asuhan Kanak-Kanak atau TASKA mematuhi peraturan yang ditetapkan:

i) Pemantauan dan lawatan ke atas TASKA akan dilakukan sebanyak 2 kali setahun oleh Pegawai Diberi Kuasa (PDBK). PDBK akan mengemukakan Laporan Pemantauan dan akan membuat teguran jika terdapat sebarang ketidakpatuhan di dalam pengurusan TASKA berdasarkan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 dan Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012.

ii) Mana-mana pengusaha yang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 dan Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012 ini boleh diambil tindakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Antara tindakan penguatkuasaan yang dikenakan terhadap TASKA adalah arahan bertulis, tutup sementara, kompaun, pendakwaan, pembatalan perakuan dan lak. Berikut adalah statistik tindakan penguatkuasaan yang telah diambil ke atas TASKA berdaftar dan tidak berdaftar:

Bil	Jenis Tindakan	Jumlah kes Tahun 2017	Jumlah kes sehingga Oktober 2018
1	Pendakwaan	4	2
2	Kompaun	6	5
3	Lak	5	3
4	Arahan Bertulis	15	1
5	Arahan Tutup Sementara	2	-
6	Batal Perakuan	37	33
	JUMLAH	69	44

- c) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, bagi tempoh Januari hingga Oktober 2018, sebanyak 33 perakuan TASKA telah dibatalkan. Berikut merupakan sebab pembatalan perakuan TASKA:
- i) Jika terdapat apa-apa pelanggaran atau ketidakpatuhan kepada mana-mana syarat yang dikenakan berhubung dengan apa-apa pendaftaran yang dibuat di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984;
 - ii) Jika Pengendali pusat jagaan telah disabitkan atas kesalahan di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 atau kesalahan yang melibatkan Fraud atau keburukan akhlak;
 - iii) Jika pengendali yang memohon supaya pendaftaran dibatalkan akibat daripada penutupan operasi premis; dan
 - iv) Jika PDBK mendapati TASKA tidak wujud lagi atau memberhentikan pengoperasian sebagai TASKA.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PEMBANGUNAN STADIUM E-SPORTS DI CYBERJAYA, DENGKIL

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah sumbangan dan nilai industri E-sports setakat ini kepada Negeri Selangor?
- b) Apakah rancangan jangka panjang atau 'blueprint' Kerajaan Negeri terhadap pembangunan sukan E-sports dan industri berkaitannya?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : INDUSTRI KITAR SEMULA PLASTIK

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri ke atas longgokan sampah-sampah plastik kitar semula selepas kilang industri ditutup?
- b) Adakah sebarang tindakan yang telah diambil terhadap tuan punya kilang atau tuan tanah sehingga kini?

JAWAPAN:

- a) Isu longgokan sampah-sampah plastik kitar semula selepas kilang berkenaan ditutup pada masa ini hanya berlaku di Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL). Sehubungan dengan itu, selaras dengan keputusan mesyuarat pada 2 Oktober 2018 yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) bersama pemilik kilang yang beroperasi secara sah dan secara haram, pemilik kilang yang beroperasi secara haram telah diarahkan untuk mengosongkan kilang dengan menjual segala produk dan sisa plastik kepada premis-premis yang mempunyai AP sahaja.
- b) PBT telah mengeluarkan notis arahan tutup operasi kilang dan mengenakan kompaun kepada pengusaha kilang terbabit. Manakala tindakan yang dikenakan kepada pemilik tanah, pihak Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat (PDTKL) juga telah mengeluarkan Notis 7(A), Seksyen 128, Akta Kanun tanah Negara 1965 dengan bertempoh untuk memulihkan pelanggaran syarat kepada pemilik tanah. Sekiranya pemilik tanah gagal mematuhi notis yang diberikan, tanah pemilik akan dirampas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : INDUSTRI AERO ANGKASA

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri melalui Selangor Aerospace Council untuk menyuburkan ekosistem industri Aero Angkasa yang berdaya saing di 3S Aerospace Belt?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan negeri melalui anak syarikatnya Invest Selangor kini sedang dalam usaha membangunkan Pelan Tindakan Aeroangkasa Selangor dimana pelan tersebut dijangka akan dibentangkan di dalam mesyuarat Majlis Aeroangkasa Negeri Selangor awal tahun 2019.

Sehingga kini sebanyak tiga (3) sesi pencambahan idea (brainstorming) telah diadakan dimana ianya melibatkan secara langsung UMW Development Sdn. Bhd.; pemaju kawasan perindustrian di Serendah dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) yang merupakan pengendali utama lapangan terbang di Malaysia.

Sesi perbincangan juga telah diadakan bersama pemain-pemain industri aeroangkasa terutamanya di Subang, Sepang dan Serendah bagi mendapatkan input berhubung keberkesanan operasi syarikat di kawasan-kawasan tersebut serta keperluan bagi industri untuk mengembangkan pelaburan mereka. Sesi ini amat penting bagi kerajaan negeri dalam merangka pelan tindakan yang efektif dan efisien serta memberi kebaikan bukan sahaja kepada pemain industri malah dapat memberi impak kepada sosial dalam menyediakan peluang-peluang pekerjaan.

Selain itu, beberapa inisiatif turut dicadangkan dibawah pelan tindakan ini bagi menggalakkan syarikat-syarikat SME untuk bersaing di peringkat antarabangsa seperti bantuan geran dalam mendapatkan persijilan dan akreditasi antarabangsa, program pembangunan bersama syarikat multinasional, program perantis dan penyedia latihan setempat.